

25/08/1998

Kemudahan boleh diguna berterusan

Radzi Wahab

KUALA LUMPUR, Isnin - Persediaan untuk menganjurkan Sukan Komanwel XVI-Kuala Lumpur '98 (KL '98) bukannya satu pembaziran kerana kemudahan itu boleh digunakan secara berterusan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menjelaskan, kos pembinaan beberapa projek dianggap besar oleh sesetengah pihak untuk sukan itu seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), rangkaian jalan raya, stadium dan Pusat Siaran Antarabangsa (IBC), sebenarnya tidak begitu besar.

Malah, katanya, kos keseluruhan bagi membina kemudahan itu hanya satu perempat daripada nilai Lapangan Terbang Antarabangsa Chek Lap Kok di Hong Kong iaitu tidak sampai AS\$5 bilion (RM21 bilion) Chek Lap Kok dan kemudahan infrastruktur berkaitan dikatakan menelan belanja AS\$20 bilion (RM84.4 bilion).

"Kita sebenarnya tidak membazir kerana pembinaan kemudahan itu bukan hanya untuk Sukan Komanwel tetapi juga bagi acara besar lain pada masa depan.

"Malah, jika ekonomi kita tidak dihancurkan oleh negara asing, saya percaya kita akan mempunyai lebih banyak kemudahan seperti itu," katanya ketika merasmikan IBC, yang berharga RM65 juta di kompleks Angkasapuri, hari ini.

IBC yang menjadi nadi bagi semua kegiatan penyiaran ketika Sukan Komanwel, dibina di tapak seluas 6,600 meter persegi dan akan beroperasi 24 jam sehari sewaktu temasya sukan itu.

Turut hadir ialah Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed Rahmat dan Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Dr Mahathir berkata, pembinaan IBC membentuk sebahagian daripada usaha kerajaan untuk menjayakan Kuala Lumpur '98 yang dijadualkan berlangsung pada 11-21 September depan.

Pengalaman lalu, katanya, menunjukkan Malaysia memerlukan IBC jika ingin menjadi hos penyiar bagi temasya sukan yang dianggap kedua terbesar di dunia selepas Sukan Olimpik itu.

"Walaupun pembinaannya menelan belanja kecil, ia tetap dilengkapkan pelbagai kemudahan terancang dan terkini, sesuai dengan era teknologi maklumat," katanya.

Beliau berkata, pembinaan pusat itu juga akan membenarkan agensi penyiaran antarabangsa menggunakan kemudahan itu bagi membuat liputan sepanjang kejohanan itu berlangsung.

Walaupun Malaysia tidak pernah menjadi hos bagi temasya sukan besar seperti Sukan Komanwel, Perdana Menteri percaya ia bukan penghalang kerana yang diperlukan ialah kepercayaan dan keyakinan kepada kebolehan sendiri.

Dr Mahathir berkata, negara sedia menerima kritikan bagi memperbaiki setiap kelemahan agar kesilapan itu dapat diperbaiki pada masa depan.

"Kita sedia menerima sebarang teguran ikhlas kerana kita percaya kita bukanlah orang yang tidak cacat. Kita memang ada kecacatan dan tidak sempurna 100 peratus.

"Teguran memang dialu-alukan bagi memperbaiki kesilapan tetapi ia seharusnya dilakukan secara membina," katanya.

(END)